



# Sukar lupa kisah silam

## Jejaka tertekan mengenangkan kekasih pernah terlanjur dengan teman lelaki

### Soalan

**S**AYA jejaka berusia awal 20-an dan sedang menjalin hubungan dengan wanita yang saya cintai. Saya mahu berkahwin dengannya.


Mulanya hubungan kami berjalan lancar, namun saya mendapat tahu teman wanita pernah terlanjur melakukan zina dengan bekas teman lakinya.

Sejak itu, saya berasa tertekan dan sering teringat perlakuan teman wanita dulu. Bagaimanapun, saya tetap menerima kenyataan itu kerana sayangkan dia.

Masalahnya, kadang kala hati saya tidak berasa tenang dan sering dibelenggu dengan peristiwa itu. Saya lemah untuk meneruskan hidup, namun pada masa sama tidak mahu meninggalkan kekasih kerana menyayangnya.

Dia juga sudah insaf dan bertaubat. Apakah yang harus saya lakukan untuk meneruskan kehidupan saya dalam keadaan gembira dan tenteram?

**JEJAKA RESAH,**  
Pahang



### Jawapan

**C**INTA itu sememangnya menyakitkan. Cinta adik terhadap kekasih ibarat menyunting sekuntum mawar merah, kadang kala mencium harum mawar itu tapi kadangkala terasa bisa duri mawar itu menusuk jari. Cinta itu juga ibarat datang

dan pergi seperti angin tidak beraturan dan arah merasakan cinta dalam kehidupan, kadang kala cinta membahagiakan, kadang kala menyedihkan.

Dilema adik ialah terlalu menyayangi kekasih tapi terlalu terseksa mengingat-kan keterlanjurannya

dengan bekas teman lelaki. Dilema adik ini hanya boleh dileraikan oleh diri sendiri. Persoalan yang perlu ditanya, adakah kekuatan cinta adik dapat memaafkan perbuatan zina itu. Jika kemaafan dapat hadir dalam diri adik, ini lambat-laun dapat mengatasi rasa

tertekan adik.

Melalui kemaafan, hati akan lebih tenang dan tenteram. Kekuatan untuk meneruskan hidup akan wujud. Diri tidak akan berasa lemah meneruskan kehidupan.

Adakah adik mempunyai keberanian dan keyakinan

untuk membangunkan kembali kepercayaan terhadap kekasih? Ini kerana cinta hanya datang kepada orang yang masih mempunyai harapan walaupun mereka dikecewakan.

Cinta terpaut kepada mereka yang masih percaya, walaupun mereka dikhianati, kepada mereka yang masih ingin mencintai walaupun disakiti sebelumnya.

Cinta hanya akan lebih kukuh kepada mereka yang mempunyai keberanian dan keyakinan untuk membangunkan kembali kepercayaan. Kata orang, cinta adalah sebuah pengorbanan yang tulus. Tanpa ada rasa pengorbanan, cinta akan jauh.

Cinta akan menjadi sukar jika masih terpalit rasa tidak percaya dan tidak mahu memaafkan. Jika adik masih menyimpan perasaan yang tidak selesa terhadap perbuatan kekasih yang lalu, ia akan menyukarkan perhubungan.

Jika masih terbayang-bayang perbuatan silam kekasih sehingga membelenggu perasaan, melepaskan kekasih adalah satu cara untuk mengurangkan tekanan.

Apatah lagi nanti apabila adik berdua mengikat tali perkahwinan. Pada ketika itu, ungkitan adik terhadap perbuatan kekasih yang lalu hanya akan melukakan hati

adik dan kekasih.

Perhubungan menjadi semakin pudar dan layu. Jika perasaan tidak dapat memaafkan masih menebal, adalah adil bagi adik dan kekasih untuk menilai semula perhubungan ini.

Namun, jika adik merasakan setiap insan mempunyai kisah lalunya tersendiri dan sanggup menerima kekasih seadanya, jalan lebih terbuka luas untuk adik meneruskan perhubungan ini. Cintai kekasih atas dasar siapa dia sekarang dan bukan siapa dia sebelumnya.

Kisah silam tidak perlu diungkit lagi sekiranya adik benar-benar mencintainya setulus hati. Pepatah cinta mengatakan: 'Jangan sesekali mengucapkan selamat tinggal jika adik masih mahu mencuba.'

Jangan sesekali menyerah jika adik masih berasa sanggup. Jangan sesekali mengatakan adik tidak mencintainya lagi jika adik masih tidak dapat melupakannya.'

Keputusan di tangan adik. Berilah adik ruang masa untuk mengambil satu keputusan yang akan memberi kebaikan kepada adik dan kekasih.

Apa saja keputusan yang adik ambil ada risikonya. Bertanggungjawablah di atas segala keputusan yang adik ambil itu. Dr doakan adik dapat mengambil satu keputusan yang baik.

### Soalan

**S**AYA baru bekerja sebagai penjawat awam dan menjadi anak kesayangan ibu bapa kerana berstatus anak bongsu. Saya sensitif, manja dan mudah menangis.

Saya sudah berkawan dengan jejaka (Z) dan hubungan kami adalah cinta jarak jauh. Pada masa sama, saya berkenalan dengan seorang lagi jejaka (Y) dan dia dekat dengan saya.

Y jejaka prihatin dan banyak membantu saya ketika menghadapi masalah. Ibu bapa mengenali kedua-dua

jejaka berkenaan namun lebih sukakan Y.

Bagaimanapun, saya hanya anggap Y sebagai rakan. Adakah saya perlu ikut kata hati memilih Z ataupun Y yang menjadi pilihan ibu bapa sebagai calon suami?

**ANTARA DUA HATI,**  
Kedah

### Jawapan

**P**EMILIHAN calon suami bukanlah sesuatu yang

mudah dilakukan. Ini kerana sering kali kesilapan memilih calon suami akan membawa padah apabila sudah mengikat tali perkahwinan.

Alam perkahwinan bukan lagi satu fantasi. Ia realiti. Pasangan yang memasuki dunia perkahwinan memerlukan satu persefahaman, komitmen dan saling mempercayai. Bukan saja perasaan cinta

yang terbabit tapi banyak resipi lain yang mengikat kukuh dunia perkahwinan.

Sama ada jejaka Y atau Z, pemilihan yang tepat perlu dilihat dari sudut lebih menyeluruh dan luas. Namun, perasaan cinta tidak boleh ditolak tepi apabila memilih bakal suami. Ini kerana cinta boleh melepasi banyak halangan dalam kehidupan. Ibu bapa sering

memikirkan yang terbaik untuk jodoh anak mereka. Di samping itu, mereka juga tidak terlepas daripada memikirkan perasaan hati si anak. Kebahagiaan anak adalah juga kebahagiaan ibu bapa. Melihat kepada kedua-dua keadaan ini, Dr rasa elok adik berbincang dari hati ke hati dengan ibu bapa mengenai permasalahan adik ini. Berterus teranglah kepada

ibu bapa dan nyatakan apakah keinginan adik yang sebenar. Di samping itu, nyatakan rasional di sebalik pemilihan jejaka pilihan hati adik itu. Apabila adik dapat memberikan alasan kukuh memilih sama ada Z atau Y, atas rasa kasih sayang ibu bapa terhadap adik, mereka dapat membuka ruang hati untuk menerima siapa saja pilihan adik. Sama-sama kita doakan yang terbaik untuk adik dan bakal calon suami adik.